

>> KHAS > COVID-19 > Lima lagi PPV mega dibuka di Lembah Klang: Khairy

Lima lagi PPV mega dibuka di Lembah Klang: Khairy

| | 30 Mei 2021



Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Khairy Jamaluddin mengadakan lawatan ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC). SEP - Foto Bernama

A- A⁺

KUALA LUMPUR - Kerajaan akan menambah lima lagi pusat pemberian vaksin (PPV) mega di Lembah Klang bagi meningkatkan kapasiti pemberian vaksin bermula 7 Jun ini, kata Menteri Penyelaras Program Imunisasi Kebangsaan Covid-19, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Japan Shinyakoso | Sponsored

Beliau berkata, sebanyak tiga PPV mega akan dibangunkan di Selangor dan dua lagi di Kuala Lumpur.

[Read Next Story >](#)

"Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) telah buat keputusan untuk meningkatkan kapasiti pemberian vaksin di Lembah Klang. Saya sudah maklumkan pada Menteri Besar Selangor.

"Di Selangor kita akan tambah tiga PPV mega iaitu di The Mines, UiTM Puncak Alam dan Setia City Convention Centre, manakala di Kuala Lumpur ialah di Kuala Lumpur Convention Centre dan pekarangan Stadium Nasional Bukit Jalil," katanya selepas melawat PPV di Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) di sini pada Ahad.

Khairy berkata, lebih banyak stesen suntikan dan dewan akan dibuka di PPV MITEC yang akan memulakan operasinya pada Isnin bagi melancarkan proses pemberian vaksin secara besar-besaran.

Khairy berkata, kapasiti suntikan harian untuk PPV di MITEC pada Isnin ialah lebih 2,000 namun beliau menasarkan lokasi itu menampung lebih 6,000 suntikan sehari.

Katanya, beliau akan ke Pulau Pinang dan Johor minggu depan bagi membincangkan pembukaan PPV mega di kedua-dua negeri itu.

Mengenai pemberian vaksin secara pandu lalu, Khairy berkata, beliau akan mengeluarkan arahan dan garis panduan mengenainya pada Isnin untuk semua negeri yang mahu melaksanakan sistem itu.

Khairy berkata, beberapa negeri sudah meminta kebenaran untuk menjalankan sistem itu susulan keputusan projek rintis pemberian vaksin secara pandu lalu di Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian, Kelantan yang memberangsangkan.

"Saya minta tempoh 24 jam untuk mengeluarkan garis panduan pelaksanaan pemberian vaksin pandu lalu ini. Kita perlu pastikan ada garis panduan keselamatan, tak boleh pandu lalu, terus cucuk (vaksin) dan terus pergi. Kena ada tempoh pemantauan. Idea itu bagus dan kita telah timbang," katanya. - Bernama

Paling Terkini: Suspek kes tembakan depan sekolah ditahan X

PPV Khairy Jamaluddin Abu Bakar

satu cawan (sekali) membakar lemak perut dengan serta-merta

Japan Shinyakoso | Sponsored

[Read Next Story >](#)

Artikel Berkaitan



Perak wujudkan pusat pemberian vaksin bergerak di kawasan pedalaman

IPOH - Kerajaan Perak akan mewujudkan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bergerak di kawasan pedalaman dan perkampungan orang asli di negeri ini. Menteri...



Agihan bekalan vaksin berperingkat ikut keperluan PPV

KUALA LUMPUR - Bekalan vaksin yang diagihkan kepada setiap Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dibuat secara berperingkat mengikut keperluan jumlah penerima...



Pusat Pemberian Vaksin Stadium Titiwangsa sesak

KUALA LUMPUR - Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Stadium Titiwangsa di sini dilaporkan sesak pada Isnin.



360 klinik swasta di Wilayah Persekutuan daftar jadi lokasi PPV

KUALA LUMPUR - Lebih banyak Pusat Pemberian Vaksin (PPV) akan terdapat di Wilayah Persekutuan selepas 360 klinik swasta sudah mendaftar bagi tujuan...



Lebih 600 pusat pemberian vaksin dibuka di seluruh negara
satu cawan (sekali) membakar lemak perut dengan serta merta

Japan Shinyakoso | Sponsored

[Read Next Story >](#)



PPV berskala besar di setiap negeri: KJ

Kerajaan merancang mewujudkan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) berskala besar di setiap negeri menerusi program vaksinasi fasa ketiga dengan sasaran...

TERKINI | POPULAR

- 1 Suspek kes tembakan depan sekolah ditahan
- 2 Rayu benarkan penjual durian berniaga, elak kerugian besar
- 3 Dua maut, 20 cedera kes tembakan rambang di AS
- 4 Rakyat digesa berhenti merokok
- 5 Lantikan politik dalam GLC ibarat satu bentuk rasuah

Makanan penyebab kanser yang wajib anda berhenti ambil dengan serta-merta

HealthReads.com | Sponsored

satu cawan (sekali) membakar lemak perut dengan serta-merta

Japan Shinyakoso | Sponsored

iran sekeliling menganggap wanita ini gila kerana membeli 43 palet kayu

Lever-Tricks.com | Sponsored

Newsletter

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. Langgan Sekarang!
satu cawan (sekali) membakar lemak perut dengan serta-merta

Japan Shinyakoso | Sponsored

Email

[Read Next Story >](#)

Nama

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi.

Langgan

**satu cawan (sekali) membakar lemak perut dengan
serta-merta**

Japan Shinyakoso | Sponsored

[Read Next Story >](#)